

PERHATI DAN RENUNGLAH KERANA MENJADI PERBANDINGAN

(oleh Pengulas Khas kita)

Di dalam masa menggunakan dakyah-dakyah untuk menarik orang ramai termasuk ke dalam perangkapnya maka Soviet Russia untuk melebarkan sayapnya selebar-lebarnya meliputi serata dunia ini telah menjadikan bahawa cara keadaan mereka ialah “sama rata, sama rasa” yakni mereka kononya tidak membeza-bezakan taraf manusia yang asal satu kejadian itu. Hal ini akhirnya tidak berjaya iaitu dengan mengikut keterangan daripada William Bankes perkara hal ehwal Timur Tengah di dalam suatu makalahnya yang berkata:

“Mujur sangat rasanya bahawa dakyah “sama rata sama rasa” yang dilaungkan oleh Kremlin (Russia) telah tidak berjaya dan tidak mendatangkan sesuatu kesan pun terutamanya kepada dunia Islam sekalipun Kremlin telah mendengar bahawa peraturan-peraturan yang dianjurkan itu kononya telah digubal menurut ajaran Islam, tetapi dakwaan yang demikian tidak diendahkan oleh orang-orang Islam kerana mereka mengetahui bahawa yang demikian itu terbitnya dari suatu pihak yang selama-lamanya terkenal – papat di luar rencong di dalam”

Katanya lagi: “Seruan sama rata sama rasa” adalah menjadi asas yang utama bagi tiap-tiap seruan yang dihebahkan oleh Kremlin kepada dunia Islam. Apakah corak yang sebenarnya dan apakah kesannya kepada umat yang hidup secara demokrasi?”

Daripada apa yang tersebut di atas ini telah zahir suatu percubaan di dalam dakyah itu untuk menarik orang-orang Islam terikut kepada kehendak-kehendak mereka itu tetapi kalau orang-orang yang mengetahui tentulah akan mendapat perbezaan antara “sama rata sama rasa” Islam dengan “sama rata sama rasa” komunis itu di antara bumi dengan langit.

“Sama rata sama rasa” yang dikehendakki oleh orang Islam bahawa: “Seseorang Muslim dengan seseorang muslim itu bersaudara, sakit seorang, yang lain merasa juga sakitnya” dengan diletakkan perantaraan-perantaraan yang tertentu oleh Allah dengan tidak merampas hak, kebebasan seseorang yakni tiap-tiap

seorang itu diberi hak kebebasannya menggunakan tenaga dan fikirannya serta mendapat faedah daripadanya untuk dirinya dan apabila didapatinya diberati supaya membantu saudaranya dengan ikhlas – tidak dengan rampasan dan paksaan sebagai di Kremlin kerana ikhlas itu itu adalah menjadi sendi yang utama di dalam amalan bagi tiap-tiap makhluk di dunia ini.

Peraturan bermasyarakat mengikut ajaran di dalam Islam ialah “tidak ada kelebihan seseorang di sisi Allah melainkan atas takwanya” dan “tidak ada kelebihan di antara bangsa Arab dengan bangsa Ajam” itu adalah menjadi persamaan mengikut ajaran Islam yang ditaja oleh Allah, bukannya tajaan manusia, dengan diadakan di dalamnya peraturan yang sesuai dengan tabiat kejadian manusia – tidak dengan paksaan dan tidak dengan ugutan dan tatkala menjalankan perintah Allah itu yakni pertadbiran yang disusun oleh Allah untuk masyarakat Islam itu tidak boleh digunakan kekerasan sebagaimana firman-Nya di dalam al-Quran “tidak ada kekerasan di dalam agama”

Tetapi tajaan yang dibuat di Kremlin adalah sebaliknya iaitu memerintahkan orang-orangnya – mereka taksud dengan pelajarannya menjalankan kekerasan untuk menyempurnakan segala rancangan-rancangannya di merata-rata tempat dan sesiapa daripada kakitangannya yang telah ditanggungkan menjalankan sesuatu kerja tidak dapat menyempurnakan rancangan-rancangan mereka itu maka balasnya tembak iaitu sebagai bukti yang nyata atas palsunya dakyah “sama rata sama rasa” yang dipandu dengan menggunakan kekerasan yang jauh sekali bezanya dengan pengajaran agama Islam yang dikehendaki mereka yang menjadi pengikut-pengikutnya mengetahui selok beloknya dan fahaman yang sebenar dengan tidak dipaksakan kepada kekuatan pedang supaya mengikut kehendak-kehendak mereka. Ini ialah perkara umum yang kita ketahui tetapi yang lebih besar lagi perhatilah di bawah ini keterangan Tuan William Bankes pakar hal ehwal Timur Tengah di dalam makalahnya tatkala menceritakan bagaimana “sama rata sama rasa” itu berjalan di dalam negeri Kremlin.

Katanya: “Kesatuan Soviet telah mengunci rapat pintu negerinya dengan melarang rakyatnya keluar negeri dan bercampur gaul dengan orang-orang luar. Sungguhpun begitu ada juga di antara mereka itu (rakyat Soviet) yang telah dapat terlepas keluar merempuh tirai besi yang kebal itu dan dengan jasa mereka inilah orang-orang di luar negeri mengetahui perihal cara hidup di sana dengan jelas.

Pada bulan Januari 1939 di dalam bancinya jumlah penduduk Soviet Russia seramai 170, 126, 000 orang berbanding dengan 147, 000, 000 pada tahun 1926. Pada tahun 1935 Stalin sendiri mengisytiharkan bahawa penduduk Soviet di dalam tiap-tiap tiga tahun telah bertambah sebanyak tiga million dan dengan perkiraan itu sepatutnya penduduk Soviet pada tahun 1939 telah mencapai angka 186 million orang. Ke manakah perginya 16 million itu? Barangkali ada orang yang akan menjawab bahawa peristiwa kebuluran 1931-32 telah mengorbankan kira-kira dua million orang. Tetapi ke manakah bakinya ?

“Kejadian-kejadian ini sebenarnya telah membingungkan pemerhati-pemerhati yang mengikut perubahan-perubahan yang berlaku di Soviet Russia. Tetapi dengan timbulnya perang besar yang lalu maka rahsia sekian lama tersembunyi ini telah pecah kerana rupanya di antara tiap-tiap 8 orang penduduk Soviet didapati seseorang bekerja di barisan “kerahan tenaga” yang telah dibentuk oleh Kerajaan Stalin”

“Kerahan tenaga” ini sudah tentu menjalankan kerja-kerja paksa yang merampas kebebasan bagi tiap-tiap seorang mendapat faedah-faedah daripada tenaganya sendiri di bumi Allah yang disuruh oleh Tuhan manusia melata di dalamnya mencari rezeki yang dirinya dengan limpah kepada tiap-tiap makhluk-Nya – bukannya tenaga-tenaga mereka faedah-faedah daripada tenaga-tenaga mereka dijadikan khazanah bersama sedang yang mendapatnya iaitu orang besar-besarnya yang duduk di atasnya yang mewah daripada hasil yang diperah meraka daripada rakyat iaitu yang berbeza daripada apa yang diajarkan oleh Islam yang terbukti bagaimana baginda Ali telah menolak duduk di dalam gedung yang indah kerana menimbang rasa dengan rakyat jelata, bagaimana Umar bin al-Khattab telah berjalan menunggang keldai berganti-ganti menariknya di antaranya

dengan khadamnya, bagaimana Abu Bakar as-Siddiq pergi keluar berniaga pada hal ia khalifah al-Muslimin.

Dengan ini tidak salahlah kalau wakil Britain di dalam Majlis Iktisad dan Masyarakat yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu yang telah bersidang pada bulan Ogos 1950 telah berkata di dalam perkara ini; “Hakikat yang terang ini menunjukkan salah satu daripada dua perkara; pertama – cara pemerintahan di Soviet Rusia telah mewujudkan suatu kumpulan orang-orang salah (penjahat) yang jauh lebih banyaknya daripada yang ada di negeri lain di dalam dunia ini; kedua – pemerintahan di sana tidak dapat berdiri sekiranya segala penentang-penentangannya itu tidak diburu atau dimasukkan ke dalam penjara.”

Benar! Kita melihat sekarang bagaimana cara-caranya mereka menjalankan paksaan-paksaan kepada orang-orang supaya mengikut kemahuannya. Kita melihat sekarang bagaimana ugutan-ugutan dan bencana-bencana yang diterima oleh orang kalau mereka tidak mahu membantunya. Hal ini kita lihat dengan mata kita sendiri di dalam masa mereka cuba merebut kekuasaan di suatu tempat dan kalau mereka berkuasa tentulah lebih hebat lagi. Ingatlah bagaimana manisnya mulut Jepun tatkala beliau sampai ke mari dan ini ialah suatu contoh yang patut diperhati. Hal di dalam negeri mereka itu juga sama dan perhatilah apa yang dikatakan oleh William Bankes yang tersebut di bawah ini :-

“Kekejaman dan azab sengsara yang digunakan oleh kerajaan Soviet ada berbagai-bagai tingkatan. Seseorang rakyat yang tak datang kerja akan dihukum dikerah bekerja di barisan “kerahan tenaga buruh” selama enam bulan dan jika orang itu masih belum dapat dilentur lagi maka ia akan dibuang ke Siberia. Kedua-dua hukuman yang tersebut hanya dikenakan kepada orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan kecil tetapi jika didapati seseorang menentang kerajaan maka padahnya orang itu akan dibuang ke perkhemahan hamba abdi yang bertaburan adanya diseluruh negeri Soviet dan di sana mereka menderita dengan penderitaan yang berat ataupun dihukum bunuh.

Sekianlah keterangan ini dan kalau tidak ada angin tentu pokok tidak bergoyang yang menunjukkan kebenaran.